



**MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU
KENYATAAN TENDER**

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) yang masih sah dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi perolehan kerja seperti berikut:

Bil	No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas/Kepala/ Subkepala)	Yuran Dokumen (RM)	Deposit Tender (RM)	Tempat Jualan Dokumen Tender
1	MDLA/DEV/T/ MRP/2022/04	MEMBINAN JALAN SIMEN DI RH. KINO, MENYANG SENDI, LUBOK ANTU	UPKJ, Kelas F atau EX, Kepala III Sub Kepala 2 CIDB-PPK	100.00	1,000.00	Pejabat MDLA, 95800 Engkilili
2	MDLA/DEV/T/ JALAN/2022/10	MENAIKTARAF JALAN RH. RICHARD TAWAN, TEBARONG, SKRANG, ENKILILI	UPKJ, Kelas F atau EX, Kepala III Sub Kepala 2 CIDB-PPK	100.00	1,000.00	Pejabat MDLA, 95800 Engkilili
3	MDLA/DEV/T/ LANDFILL/ 2022/11	UPGRADING OF DUMPING GROUND AT JALAN EMPELAM, ENKELILI	UPKJ, Kelas E atau D, Kepala I Sub Kepala 1 CIDB-PPK	100.00	1,000.00	Pejabat MDLA, 95800 Engkilili
4	MDLA/DEV/T/ LANDFILL/ 2022/12	UPGRADING OF DUMPING GROUND AT JALAN BATU KAYA, LUBOK ANTU	UPKJ, Kepala E atau D, Kepala I Sub Kepala 1 CIDB-PPK	100.00	1,000.00	Pejabat MDLA, 95800 Engkilili
5	MDLA/DEV/T/ BANGUNAN/ 2022/12	MEMBAIKPULIH KEDAI MINI MDLA, BATANG AI, LUBOK ANTU	UPKJ, Kelas F atau EX, Kepala II Sub Kepala 2 atau 5 CIDB-PPK	100.00	1,000.00	Pejabat MDLA, 95800 Engkilili

2. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen (pada dan selepas **14 Julai 2022**) dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
3. Kontraktor mesti mengemukakan deposit tender berjumlah **RM1,000.00** dalam bentuk *Banker's Cheque* atau *Bank Draft* dibuat atas nama "**Majlis Daerah Lubok Antu**" semasa membeli dokumen tender. Deposit tender akan dikembalikan sepenuhnya kepada semua pembida yang gagal setelah penerimaan tender.
4. Kontraktor atau Wakil Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Pendaftaran Asal** serta salinannya yang telah diakui sah yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) semasa membeli dokumen.
5. Dokumen tender yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut :-
a. Sijil Pendaftaran Perniagaan
b. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ, dan
c. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB.
Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Tender Majlis berhak menolak tawaran tender.
6. Dokumen Tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **Tarikh Tutup, Nombor Tender serta Tajuk Tender** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti berikut:-

**Setiausaha,
Majlis Daerah Lubok Antu,
Jalan Penghulu Imong Anak Awan,
95800 Engkilili, Sarawak.**

7. Tarikh tutup bagi semua tender di atas adalah pada **27 Julai 2022** jam **12.00 tengahari** dan sebarang dokumen Tender yang **diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak**.
8. Tempoh sah laku Tender hendaklah **90 hari** dari tarikh tutup.
9. Majlis Daerah Lubok Antu tidak terikat untuk menerima tawaran Tender yang terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

(TOMMY ANAK LAMAN)
Pem. Setiausaha,
Majlis Daerah Lubok Antu